

# XORLYX 5 SALICYLIC ACID OINTMENT

Salicylic Acid (5% w/w)

---

## Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apa kegunaan Xorlyx 5 Salicylic Acid Ointment.
2. Bagaimana Xorlyx 5 Salicylic Acid Ointment berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Xorlyx 5 Salicylic Acid Ointment.
4. Cara menggunakan Xorlyx 5 Salicylic Acid Ointment.
5. Semasa menggunakan Xorlyx 5 Salicylic Acid Ointment.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Xorlyx 5 Salicylic Acid Ointment.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apa kegunaan Xorlyx 5 Salicylic Acid Ointment.

Xorlyx 5 Salicylic Acid Ointment digunakan untuk merawat keadaan kulit yang menebal dan bersisik seperti proriasis dan jerawat.

## Bagaimana Xorlyx 5 Salicylic Acid Ointment berfungsi.

- Xorlyx 5 Salicylic Acid Ointment berfungsi dengan melembutkan lapisan luar kulit dan membantu membuang sel-sel kulit mati.
- Salicylic acid juga dapat mengelakkan liang roma anda tersumbat untuk membolehkan jerawat mengecut.

## Sebelum menggunakan Xorlyx 5 Salicylic Acid Ointment

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda mengalami alahan atau hipersensitiviti kepada salicylic acid atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.
- Jika anda menghidap kencing manis.
- Jika anda mengalami gangguan peredaran darah yang menjejaskan tangan dan kaki anda.

### - Sebelum mula menggunakan Xorlyx 5 Salicylic Acid Ointment

- Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mempunyai alahan kepada sebarang ubat-ubatan lain.

- Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda hamil atau merancang untuk hamil atau menyusu bayi. Salicylic acid topikal tidak boleh digunakan dalam jumlah yang banyak atau untuk tempoh yang panjang pada wanita hamil.
- Ikuti arahan doktor anda yang mungkin berbeza daripada arahan umum dalam risalah ini.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru ini mengambil sebarang ubat-ubatan seperti:

- Ubat-ubatan topikal seperti *benzoyl peroxide*, *topical retinoids* termasuk *isoretinoin*, *alitretinon* dan *tazarotene*.
- Sabun dan pembersih yang merengsakan.
- Kosmetik atau sabun yang mengeringkan kulit atau mengelupaskan kulit.

## Cara menggunakan Xorlyx 5 Salicylic Acid Ointment

### - Berapa banyak harus digunakan

Sapu sedikit pada bahagian kulit yang terjejas.

### - Bila perlu digunakan

- Sapukan dua kali sehari, pada waktu pagi dan malam.
- Kemudian, kekerapan penggunaan ubat mungkin boleh dikurangkan semasa penyembuhan.

### - Berapa lama perlu digunakan

Sapu ubat seperti yang diarahkan sehingga keadaan kulit bertambah baik atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Sapukan sebaik sahaja anda ingat. Jika hampir dengan waktu untuk dos berikutnya, abaikan dos yang terlepas dan ikut jadual seperti biasa. Jangan gandakan dos.

### - Jika menggunakan secara berlebihan (terlebih dos)

Jika anda terlebih menggunakan ubat atau sapu pada kawasan yang luas dengan tidak sengaja, jumpa doktor anda dengan segera. Ia boleh menyebabkan gejala ketoksikan salicylate seperti telinga berdesing atau berdengung, kekeliruan, muntah, cirit-birit dan peningkatan kadar denyutan jantung.

## Semasa menggunakan Xorlyx 5 Salicylic Acid Ointment

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Pastikan anda membasuh tangan sebelum dan selepas menggunakan salap ini.
- Dapatkan nasihat perubatan dengan segera jika gejala anda berterusan.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan sapu pada luka.
- Elakkan dari terkena mulut, mata dan membran mukus.
- Jangan gunakan pada kawasan kulit yang luas untuk tempoh yang lama atau lebih daripada yang diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan kongsi ubat dengan orang lain.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

- Berhati-hati supaya sapu ubat hanya pada kawasan yang terjejas dan bukan pada kulit berhampiran.
- Jika kulit merengsa atau menjadi sensitif, hentikan rawatan dan dapatkan nasihat doktor anda.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Xorlyx 5 Salicylic Acid boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Di antara kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah:

- Radang kulit atau kerengsaan kulit; kulit memerah; kulit terasa panas yang luar biasa.
- Pengeringan dan mengelupasan kulit yang berlebihan.

Sekiranya terdapat sebarang kesan serius atau berterusan atau jika anda menyedari sebarang kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npa.gov.my](http://npa.gov.my) [*Consumer → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Xorlyx 5 Salicylic Acid Ointment**

#### **- Penyimpanan**

- Tutup tiub dengan ketat.
- Simpan di bawah suhu 30°C.
- Lindungi daripada haba, kelembapan dan cahaya.
- Jauhkan ubat daripada kanak-kanak.
- Jangan simpan ubat yang telah tamat tempoh.

#### **- Pelupusan**

Jangan melupuskan ubat melalui air buangan atau sampah isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak digunakan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### **- Rupa dan warna produk**

Salap lutsinar berwarna putih atau hampir putih.

#### **- Bahan-bahan kandungan**

Bahan aktif: *Salicylic acid*

Bahan tidak aktif: *White Soft paraffin*

#### **- Nombor MAL**

MAL13055071XZ

### **Pengilang dan Pemegang**

#### **Pendaftaran Produk**

Xorix Sdn Bhd,  
Lot 1, 2, 3 & 4,  
Kawasan Industri Batu 7,  
23000 Dungun,  
Terengganu, Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

17/05/2023

### **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)120523/00046